

SOALAN NO. 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 [ ISNIN ]**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai  
rancangan membentangkan satu kertas putih mengenai hasil kajian  
komprehensif merangkumi semua impak peningkatan warga emas dan  
cadangan solusi mampan agar Malaysia bersiap siaga mendepani  
cabaran krisis demografi ini tanpa menjejaskan kemakmuran dan  
kelestarian ekonomi serta kebajikan semua lapisan masyarakat.

61

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) **tiada perancangan untuk membentangkan kertas putih** mengenai hasil kajian impak penuaan. Walau bagaimanapun, **KPWKM bercadang untuk membentangkan satu kertas Nota Jemaah Menteri** mengenai hasil Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara: Pelan Tindakan Kependudukan ke Arah Pembangunan Lestari 2030 yang telah diselesaikan pada bulan Ogos 2017 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dalam masa terdekat. Antara lain, kajian tersebut menyentuh impak perubahan demografi termasuk penuaan kepada masyarakat di Malaysia.

Selain daripada Kajian tersebut, **Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia** juga telah menyiapkan Kajian terkini bertajuk "Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030" pada 27 Januari 2017 dan cadangan Pelan Tindakan hasil daripada kajian ini sedang diselaras

dengan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang sedia ada oleh Kementerian dengan kerjasama Kerajaan/agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi menghasilkan satu Pelan Tindakan Warga Emas komprehensif yang menjangkau masa dari tahun 2018 hingga tahun 2030.

Tuan Yang Dipertua,

**Isu penuaan bukan satu krisis tetapi adalah satu peluang** sekiranya dasar dan inisiatif awal diambil untuk menghadapi cabaran perubahan demografi tersebut. Kedua-dua kajian yang disebut di atas adalah antara inisiatif yang telah diambil oleh KPWKM bersama Kementerian/agensi lain dalam persediaan untuk mengoptimumkan potensi diri warga emas melalui penuaan sihat, positif, aktif dan produktif bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Dengan kos perubatan dan bantuan kewangan yang dijangka semakin meningkat dengan penambahan bilangan warga emas, **Kementerian memberi keutamaan kepada program berasaskan komuniti** seperti program *HomeHelp* dan Pusat Aktiviti Warga Emas bagi meningkatkan penglibatan komuniti, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam

penjagaan warga emas. Inisiatif ini merupakan solusi mampan dalam jangka panjang yang tidak bergantung kepada Kerajaan semata-mata. Inisiatif utama lain yang juga sedang diambil oleh KPWKM dan kementerian/agensi lain termasuk memperluaskan peluang pekerjaan kepada warga emas bagi meningkatkan keselamatan kewangan mereka, mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan produktiviti warga emas dan juga merangka satu sistem perlindungan sosial komprehensif untuk membela kesejahteraan semua masyarakat termasuk warga emas.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di arena antarabangsa seperti Agenda 2030, *Madrid International Plan of Action on Ageing* (2002) dan *KL Declaration on Ageing* (2015) untuk membangunkan masyarakat yang inklusif dan tiada lapisan masyarakat yang dipinggirkan termasuk membela kebajikan golongan warga emas.